

APLIKASI PERSEDIAAN DAN PERANCANGAN MAJLIS PERKAHWINAN (ABADI)

AINUL MARDHIYYAH BINTI ZAMZURI

SUHAILA BINTI ZAINUDIN

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

Dalam melangkah ke dunia perkahwinan yang baharu, pasangan pertama kali seringkali dihadapkan dengan cabaran dalam merangka perancangan majlis perkahwinan mereka. Oleh itu, aplikasi Abadi merupakan satu penyelesaian inovatif yang khusus untuk membantu pasangan melalui proses persediaan dan perancangan majlis perkahwinan mereka. Dengan fokus kepada pasangan yang masih baru dalam dunia perkahwinan, aplikasi ini memberikan panduan dan penekanan kepada aspek-aspek yang mungkin mereka tidak tahu atau terlepas pandang. Salah satu ciri utama aplikasi Abadi adalah fungsi peringatan, yang membantu pasangan ingat akan tarikh penting dan tugas yang perlu dilakukan sebelum menjelang hari bahagia. Selain itu, aplikasi ini juga menyediakan senarai semak perkahwinan yang komprehensif, memastikan bahawa tiada perkara yang terlupa atau terlepas pandang. Senarai semak ini merangkumi aspek-aspek seperti tempahan tempat, tema pakaian, dan makanan bagi memudahkan pasangan untuk menguruskan segala persediaan dengan teratur. Aplikasi Abadi juga mengambil berat tentang faktor kewangan yang merupakan aspek yang penting dalam perancangan majlis perkahwinan. Oleh itu, ia bukan sahaja mengutamakan senarai semak, tetapi juga menyediakan fungsi untuk menjejak kos perbelanjaan majlis. Tambahan pula, aplikasi ini akan menggunakan *Flutter* sebagai platform pengekodan dan *Dart* sebagai bahasa pengaturcaraan bagi memastikan kecekapan dan kebolehgunaan aplikasi. Metodologi *Agile* digunakan dalam pembangunan aplikasi ini kerana pendekatan ini memberikan fleksibiliti yang diperlukan untuk menyesuaikan perubahan atau penambahbaikan sepanjang proses pembangunan. Dengan Abadi, bakal pengantin tidak perlu bimbang tentang persediaan majlis perkahwinan mereka. Mereka akan berasa yakin untuk merancang hari bahagia mereka tanpa kekeliruan atau kekurangan dalam persediaan.

PENGENALAN

“Dan Kami (Allah) jadikan kamu berpasang-pasangan.” petikan ayat Al-Quran yang diambil dari Surah An-Naba’ ayat ke 8 menunjukkan bahawa setiap manusia dijadikan berpasangan kerana pada dasarnya berpasangan memiliki manfaat yang luar biasa. Allah memberi peringatan kepada para hamba-Nya yang lupa akan kekuasaan dan rahmat-Nya. Di mana Dia yang menciptakan makhluk dalam berbagai bentuk, ada haiwan, tumbuhan, dan manusia. Adapun dari mereka, terkhusus manusia ditakdirkan untuk punya pendamping dari jantina yang berbeza, iaitu lelaki dan perempuan. Ketika keduanya bersatu dalam ikatan suami isteri, mereka

dapat menjaga keturunannya dengan memiliki anak-anak yang soleh solehah, serta mempertahankan kelangsungan hidup manusia supaya tidak hancur.

Pada perspektif lain, tidak dilupakan juga hari yang menyatukan dua hati akan menjadi satu detik yang amat berharga buat bakal pengantin. Momen-momen bahagia itu akan menjadi sejarah buat kedua mempelai. Tetapi, sebaik sahaja ijab dan qabul dilafazkan tanggungjawab juga sudah berbeza bagi suami dan juga isteri. Sikap tolak ansur perlu dijadikan perkara yang sentiasa diamalkan buat pasangan yang sudah berkahwin. Umum mengetahui, terdapat banyak proses yang perlu dilakukan sebelum melangsungkan majlis perkahwinan. Persiapan dari segi fizikal dan mental perlu kuat bagi menjalani persediaan ini.

Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, “ABADI” adalah sebuah permulaan yang tiada pengakhiran. Perkataan itu sering dikaitkan dengan cinta dan kasih sayang yang kekal antara dua jiwa. Dalam konteks ini, Abadi merupakan sebuah aplikasi yang menyediakan senarai semak dan juga berfungsi sebagai alat kira-kira bajet kewangan bakal pengantin. Aplikasi ini akan menyusun atur segala perancangan perkahwinan dari setiap aspek, supaya tiada perkara yang terlepas pandang dan menjadi asbab ketidaksempurnaan majlis.

METODOLOGI KAJIAN

Metod yang digunakan untuk aplikasi persediaan dan perancangan perkahwinan adalah Agile, seperti yang tertera pada Rajah 1.0. Agile adalah metodologi pengurusan projek dan pembangunan perisian yang popular yang menekankan fleksibiliti, kerjasama, dan maklum balas pengguna. Metodologi ini terbahagi kepada lima fasa iaitu perancangan, reka bentuk, pembangunan, pengujian, dan penghantaran. Berikut merupakan gambar rajah aliran Agile Metod dan juga penerangan terperinci mengenai setiap fasa dalam metod ini serta bagaimana ia diterapkan dalam pembangunan aplikasi persediaan dan perancangan majlis perkahwinan.

Fasa perancangan

Fasa perancangan merupakan fasa utama dalam metod ini. Fasa ini juga menetapkan hala tuju projek dan mentakrifkan skop, matlamat dan keutamaan projek. Ini mengenai pemahaman pembangun aplikasi tentang permasalahan pengguna iaitu bakal pengantin. Kenal pasti dan utamakan ciri dan keperluan bagi aplikasi persediaan dan perancangan perkahwinan ini.

Fasa reka bentuk

Dalam fasa reka bentuk, rancangan terperinci perlu dilakukan supaya aplikasi akan dipaparkan dan berfungsi. Fasa ini memastikan bahawa pembangun sistem ini mempunyai visi yang jelas mengenai produk akhir. Hal ini juga termasuklah rancangan struktur perisian, pangkalan data, API, dan lain lain. Selain itu, penting juga membuat dokumentasi reka bentuk supaya dapat menghasilkan spesifikasi yang terperinci mengikut idea pembangun.

Fasa pembangunan

Seterusnya, fasa ini melibatkan penulisan kod sebenar untuk aplikasi berdasarkan reka bentuk dan keperluan yang ditakrifkan sebelum ini. Pembangun menulis kod untuk melaksanakan

ciri dan fungsi yang telah ditentukan. Ulasan rakan sebaya juga penting untuk mengekalkan kualiti kod dan pematuhan kepada piawaian pengekodan. Justeru itu, integrasi berterusan perlu dilakukan untuk menguji perubahan kod.

Fasa pengujian

Fasa pengujian merupakan salah satu fasa yang penting dalam pembangunan sebuah aplikasi. Hal ini kerana pengujian dijalankan untuk mencari kecacatan, ralat dan kelemahan dalam permainan ini. Apabila ralat dapat dikenalpasti, pembaikan dan pembetulan dapat dilakukan untuk memastikan permainan yang lancar dan memastikan pengalaman yang terbaik bagi pengguna.

Kaedah pengujian kebolegunaan terhadap pengguna amatlah penting untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Oleh itu, satu soal selidik pengujian kebolegunaan telah dilaksanakan bagi memastikan pengujian telah dijalankan. Seramai 7 orang pengguna telah mengambil bahagian dalam pengujian ini. Pengujian ini dimulakan dengan pembangun membuat demonstrasi penggunaan aplikasi dan menerangkan segala ciri dan fungsi yang terdapat dalam Aplikasi Persediaan dan Perancangan Majlis Perkahwinan.

Selepas soal selidik telah dilengkapkan, soalan dimuat naik ke Google Form dan pautannya telah diberikan kepada beberapa orang. Sasaran responden bagi soal selidik ini adalah individu yang mempunyai pasangan atau pon bakal pengantin. Selepas mengedarkan pautan soal selidik, seramai 7 orang responden telah menjawab soal selidik ini. Dengan Google Form, graf atau carta telah dihasilkan untuk setiap item dengan data yang telah diberikan oleh responden untuk tujuan analisis.

Tujuan soal selidik ini adalah untuk mendapatkan maklum balas responden dan penilaian kebolegunaan aplikasi ini. Penciptaan soalan adalah berdasarkan kepuasan hati responden apabila menggunakan aplikasi ini. Setelah soal selidik dilengkapkan, pautan Google Form diedarkan kepada seramai mungkin pengguna yang berkaitan. Data yang diterima daripada penilaian kebolegunaan dianalisis melalui kaedah analisis data yang bernama statistik deskriptif dengan menggunakan skor min bagi setiap aspek. Jadual 1 menunjukkan Tafsiran Skala Skor Min.

Jadual 1 Tafsiran Skala Skor Min


Skor	Tafsiran
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Tidak Pasti
4	Setuju
5	Sangat Setuju

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Aplikasi Persediaan dan Perancangan Majlis Perkahwinan telah berjaya dibangunkan dan semua dokumentasinya telah dilengkapkan. Semasa proses pembangunan, permainan serius ini dibangunkan menggunakan Flutter dengan bahasa pengaturcaraannya yang dipanggil Dart.


Pangkalan data yang digunakan ialah pangkalan data awan Firebase Firestore untuk memastikan permainan boleh diteruskan pada setiap komputer. Android Studio pula digunakan sebagai platform untuk menulis kod.

Apabila memasuki aplikasi, pengguna akan masuk ke halaman 'Log In' untuk log masuk ke akaun masing-masing. Bagi pengguna baru, mereka perlu menekan butang 'Register' untuk mencipta akaun yang baru dan perlu mengisi semua butiran yang tertera seperti rajah 1.




Rajah 1 Antara Muka Pendaftaran

Apabila pengguna telah mendaftarkan akaun, mereka akan dipaparkan skrin log masuk sekali lagi. Antara muka untuk skrin log masuk adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2, di mana pemain boleh menggunakan e-mel dan kata laluan akaun mereka untuk log masuk ke dalam permainan.



Rajah 2 Antara Muka Log Masuk

Aplikasi ini akan memaparkan laman utama apabila pengguna berjaya log masuk ke dalam aplikasi. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3, laman utama akan memaparkan tarikh perkahwinan pengguna dan kira detik bagi hari perkahwinan mereka. Seterusnya, jumlah amaun perbelanjaan pengguna yang telah dikira pada halaman kewangan. Selain itu, paparan fakta menarik tentang majlis perkahwinan di bahagian bawah halaman.




Rajah 3 Antara Muka Laman Utama

Rajah 4 menunjukkan halaman tugas untuk majlis perkahwinan. Pada halaman ini, pengguna boleh menambah kategori baru jika pengguna ingin membuat kategori yang spesifik. Jika tidak, pengguna boleh memilih mana-mana kategori kemudian pengguna perlu memasukkan perincian tugas. Setelah itu, senarai tugas akan dipaparkan. Pengguna juga boleh menandakan tugas tersebut jika selesai.



Rajah 4 Antara Muka Halaman Tugas

Rajah 5 menunjukkan halaman bajet kewangan. Pada halaman ini pengguna boleh memasukkan item dan amaun yang mereka telah belanjakan, bagi menjejak jumlah bajet kewangan bagi majlis perkahwinan mereka. Ada juga paparan anggaran bajet yang pengguna pilih semasa mendaftar akaun baru dan juga templat yang mengandungi pecahan bajet kewangan. Ini bertujuan supaya pengguna boleh membuatnya sebagai rujukan semasa mengira bajet kewangan sendiri.



Rajah 5 Antara Muka Halaman Bajet Kewangan

Rajah 6 menunjukkan halaman tetamu jemputan. Halaman ini membenarkan pengguna memasukkan nama tetamu yang akan dijemput pada hari perkahwinan mereka. pengguna juga boleh membuat kategori tetamu yang baru jika perlu. Setelah pengguna memasukkan nama pada setiap kategori, jumlah tetamu akan dikemas kini pada kategori tersebut.



Rajah 6 Antara Muka Tetamu Jemputan

Rajah 7 menunjukkan halaman profil pengguna. Pengguna boleh mengubah informasi mereka

dan mengemas kini perubahan tersebut. Selesai sahaja pengguna mengubah informasi, mereka perlu menekan butang 'Save Changes' supaya maklumat disimpan. Pengguna juga boleh memilih gambar untuk dijadikan sebagai gambar profil. Semua perubahan ini akan disimpan ke dalam Firebase.



Rajah 7 Antara Muka Profil Pengguna

Pengujian Kebolehgunaan

Pengujian kebolehgunaan ialah satu proses yang melibatkan pengujian akhir yang dilaksanakan oleh wakil pengguna dan pihak berkepentingan untuk memastikan aplikasi yang dibangunkan mampu menyediakan fungsi yang diperlukan sebelum ia dikeluarkan kepada umum. Tujuan pengujian kebolehgunaan adalah untuk menilai kebolehgunaan sistem, mengumpul data kuantitatif, dan menilai kepuasan pengguna.

Jadual 2 menunjukkan skor min yang diterima daripada setiap item aspek. Item 4 dan 5 adalah yang tertinggi dengan skor min 4 akan tetapi item 6 adalah yang paling rendah dengan skor min 2. Walaubagaimanapun, min keseluruhan ialah 3 yang dianggap sederhana kerana ia menandakan pengguna tidak pasti tentang aplikasi ini, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 2 Skor Min Kebolehgunaan Aplikasi ABADI

No	Item	Min
1	Secara keseluruhan saya berpuas hati menggunakan aplikasi ABADI	3
2	Aplikasi ABADI mempunyai semua fungsi yang diperlukan untuk membuat persediaan perkahwinan	3

3	Saya menggunakan aplikasi ABADI dengan mudah	3
4	Aplikasi ABADI mudah dinavigasi ke halaman lain	4
5	Antara muka aplikasi ABADI menarik dan tersusun	4
6	Aplikasi ABADI beroperasi secara lancar tanpa sebarang gangguan	2
7	Aplikasi dapat membantu bakal pengantin mengatur dan mengesan tugas	3
8	Proses untuk menyesuaikan diri dengan aplikasi sangat mudah	3
9	Saya akan mengesyorkan aplikasi ini kepada bakal pengantin	3
	Min Keseluruhan	3

Berdasarkan jawapan responden dan analisis yang dibuat, dapat disimpulkan bahawa kebolegunaan aplikasi ini adalah pada skala positif. Kesemua skor min soalan yang diterima dianggap tinggi kerana melebihi 3 dan hampir mencapai 5. Dapat juga disimpulkan bahawa objektif penilaian projek ini tercapai.

Cadangan Penambahbaikan

Beberapa penambahbaikan masa depan boleh dilakukan supaya dapat memberi kualiti yang lebih tinggi bagi Aplikasi Persediaan dan Perancangan Majlis Perkahwinan. Bagi halaman utama aplikasi, pembangun boleh menambah ciri lain iaitu tugas yang akan datang. Dimana setiap tugas yang baru saja ditambah dalam senarai tugas, boleh dipaparkan pada halaman utama untuk memberikan peringatan kepada pengguna. Selain itu, bagi fungsi profil pengguna, pembangun haruslah membenarkan pengguna memuat naik gambar profil mereka supaya lebih menepati ciri-ciri profil pengguna seperti yang terdapat dalam aplikasi lain. Tambahan pula, pembangun boleh mencipta sebuah halaman atau fungsian dimana pengguna boleh meletakkan gambar-gambar mereka semasa dalam proses persediaan hari perkahwinan. Gambar tersebut boleh dijadikan kenangan untuk dilihat pada masa akan datang. Di samping itu, pilihan bahasa penghantar boleh ditambah seperti Bahasa Malaysia yang juga merupakan bahasa ibunda masyarakat Malaysia. Akhir sekali, fungsian berhubung terus dengan vendor juga boleh ditambah supaya pengguna dapat melihat servis yang ditawarkan oleh vendor tersebut.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, permainan serius ini telah berjaya dibangunkan dengan menggunakan data yang telah dikaji dan diperolehi. Objektif kajian dan keperluan yang telah ditetapkan sebelum ini telah berjaya dicapai. Walaupun terdapat beberapa halangan, ia berjaya diatasi menggunakan pelbagai cara. Diharapkan aplikasi persediaan dan perancangan majlis perkahwinan ini dijadikan titik kajian untuk kajian lain pada masa hadapan.

Kekuatan Sistem

Aplikasi Persediaan dan Perancangan Majlis Perkahwinan mempunyai kelebihanannya tersendiri berbanding dengan aplikasi perkahwinan yang sedia ada. Pertama, aplikasi ini mencadangkan beberapa amaun untuk dijadikan anggaran bajet pengguna. Tambahan pula, setiap amaun yang tertera memiliki cadangan template untuk pengguna jadikan sebagai rujukan jika mereka ingat menetapkan bajet bagi setiap item untuk hari perkahwinan mereka. Selain itu, aplikasi ini juga memiliki halaman khusus untuk pengguna mencipta senarai

tetamu. Tetamu akan diklasifikasikan mengikut kategori masing-masing. Pengguna juga dapat melihat bilangan tetamu yang telah tersenarai jadi ia tidak akan lari dari bilangan asal yang sudah dirancang.

Kelemahan Sistem

Setiap aplikasi pasti akan ada kelemahan tersendiri. Aplikasi Persediaan dan Perancangan Perkahwinan Majlis Perkahwinan juga tidak lari dari memiliki beberapa kelemahan. Antaranya, aplikasi ini dibangunkan bagi pelantar Android sahaja. Ia menjadi terhad kepada pengguna yang mempunyai pelantar lain.

Seterusnya, pemilihan bahasa pengantar selain daripada Bahasa English tidak disediakan. Tidak dilupakan juga, tugas yang terdapat dalam senarai semak tidak boleh dipaparkan pada halaman utama dek kerana masalah teknikal pada susunan kod.

PENGHARGAAN

Penulis kajian ini ingin ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Suhaila binti Zainudin, penyelia penulis kajian ini yang telah memberi tunjuk ajar serta bimbingan untuk menyiapkan projek ini dengan jayanya.

Penulis kajian ini juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyempurnakan projek ini. Segala bantuan yang telah dihulurkan amatlah dihargai kerana tanpa bantuan mereka, projek ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Semoga tuhan merahmati dan memberikan balasan yang terbaik.

RUJUKAN

Chai, W. (2022, December 13). *data dictionary*. App Architecture.

<https://www.techtarget.com/searchapparchitecture/definition/data-dictionary>

Checklist persiapan perkahwinan lengkap A-Z | NikahSatu. (n.d.). NikahSatu.

<https://nikahsatu.com/checklist-persiapan-perkahwinan-lengkap-a-z/>

Contributors to Wikimedia projects. (2023, May 20). *Perkahwinan menurut Islam*. Wikipedia

Bahasa Melayu, Ensiklopedia Bebas.

https://ms.wikipedia.org/wiki/Perkahwinan_menurut_Islam

Explain Algorithm and Flowchart with Examples - Edraw. (n.d.). EdrawMax.

<https://www.edrawsoft.com/explain-algorithm-flowchart.html>

- Nurfajrina, A. (2023, January 22). Surat An-Naba Ayat 8: Allah SWT Ciptakan Pasangan bagi Makhluk-Nya. *Detikhikmah*. <https://www.detik.com/hikmah/khazanah/d-6528851/surat-an-naba-ayat-8-allah-swt-ciptakan-pasangan-bagi-makhluk-nya>
- Staff, G. (2023, October 11). *How to plan a traditional wedding: expert tips and ideas*. STATIONERS. <https://www.greenvelope.com/blog/traditional-wedding>
- The best wedding planning software & tools*. (n.d.). <https://www.socialtables.com/blog/event-planning/wedding-planning-software-tools/>
- Twilliams. (2021, January 8). *Tools I use to run my wedding planning business*. Southern Productions Mississippi Wedding Planner and Florist. <https://southernproductions.net/2019/03/tools-wedding-planning-business/>
- Wedding Service - Full wedding planning and coordination*. (2021, December 14). MY Wedding Planner Sdn Bhd - Wedding Planner Malaysia. <https://www.myweddingplanner.com.my/complete-wedding-planning/>
- What is User Interface (UI) Design?* (2023, October 19). The Interaction Design Foundation. <https://www.interaction-design.org/literature/topics/ui-design>

Ainul Mardhiyyah binti Zamzuri (A196789)
Prof. Madya Dr. Suhaila binti Zainudin
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia